



PERANCANGAN AKTIVITI TAHUNAN 2023

KELAB/PERSATUAN/ UNIT BERUNIFORM/SUKAN PERMAINAN : **Kelab STEM**

1.0 PENDAHULUAN

Gerak kerja kokurikulum adalah gerak kerja pendidikan yang dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, berasaskan lanjutan daripada pembelajaran di bilik darjah. Ini bertujuan untuk pengukuhan dan pengayaan pembelajaran. Gerak kerja kokurikulum adalah sangat penting kerana ia menyediakan pengalaman yang menyeluruh di sekolah bagi perkembangan mental, minat dan bakat, sosial, fizikal dan rohani murid-murid.

2.0 MATLAMAT

Menjadikan kegiatan sukan dan kokurikulum sebagai satu kegiatan yang disertai oleh semua anak didik di sekolah melalui aktiviti-aktiviti yang terancang supaya dapat membawa keseronokan, memberi peluang berinteraksi dan memenuhi masa lapang dengan berfaedah serta memupuk semangat kesukanan, kerjasama yang tinggi, bertanggungjawab dan berkemampuan memberi sumbangan mengharumkan nama sekolah, daerah, negeri dan negara.

3.0 OBJEKTIF

- ☐ Menyediakan program kokurikulum yang dapat menyeimbangi program kurikulum.
- ☐ Merancang aktiviti yang dapat memberi peluang kepada lebih ramai anak didik melibatkan diri dengan lebih aktif tanpa mengira tahap kebolehan masing-masing.
- ☐ Menjadikan kegiatan sukan dan kokurikulum sebagai kegiatan rekreasi.
- ☐ Menganjur pertandingan yang melibatkan semua anak didik.
- ☐ Menghasilkan perancangan aktiviti yang bersistematik, merekod dan menilai kemajuan anak didik.
- ☐ Mengenal pasti dan mempertingkatkan potensi dan bakat individu ke tahap yang lebih tinggi serta menambah kemahiran di dalam sukan bola sepak
- ☐ Membimbing anak didik supaya menguasai teknik dan kemahiran asas permainan bola sepak.
- ☐ Memupuk minat yang berterusan di kalangan individu supaya permainan bola sepak terus berkembang dan maju bukan sahaja di sekolah tetapi juga di kalangan masyarakat umum.

4.0 ISI KANDUNGAN

- ☐ Sejarah Bola Sepak
- ☐ Kemahiran Asas dan Teknik Permainan
- ☐ Pengelolaan Pertandingan
- ☐ Undang-undang dan Peraturan Permainan
- ☐ Kepengadilan Permainan
- ☐ Pilihan aktiviti



- ☐ Rawatan Kecederaan dan Pertolongan Cemas
- ☐ Lawatan
- ☐ Penubuhan Kelab Penyokong Pasukan Sekolah
- ☐ Kuiz
- ☐ Tayangan

5.0 PERANCANGAN AKTIVITI TAHUNAN

MINGGU	TAJUK / AKTIVITI	ISI KANDUNGAN	AKTIVITI
1	Sesi suai kenal antara ahli kelab dan guru penasihat	Kemahiran berkomunikasi	☐ Sesi memperkenalkan guru penasihat kepada ahli kelab. ☐ Sesi suai kenal ahli kelab seorang demi seorang.
2	Sejarah Bola Sepak	Asal usul dan perkembangan	☐ Menerangkan sejarah bola sepak ☐ Tayangan video bolasepak
3	Kemahiran Asas dan Teknik Permainan	Sepak dan tahan Berlari bersama bola	☐ menyepak ☐ menahan ☐ berlari bersama
4		Menukar arah Mengelecek	☐ berlari bersama bola berhenti dan membawa bola kearah lain ☐ mengelecek bola
5		Menanduk Merembat Kawalan dan hantaran	☐ berhenti sambil menanduk ☐ berlari sambil menanduk ☐ rembatan rendah ☐ kawalan melalui ☐ - kaki ☐ - peha ☐ - dada ☐ - kepala ☐ Hantaran ☐ - lambung ☐ - leret
6	Undang-undang Permainan	a. Undang-undang Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Undang-undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA)	☐ Menerangkan undang-undang Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) ☐ (rujuk buku peraturan FAM dan FIFA)



		b. Peralatan / kelengkapan Gelangang	☐ menerangkan ☐ - ukuran padang ☐ - ukuran gol ☐ - peralatan
7	Pilihan Aktiviti	a. Rawatan dan kecederaan b. Lawatan c. Kuiz d. Menonton pertandingan e. Perlawanan persahabatan	☐ Menerangkan - kecederaan ringan ☐ mengadakan lawatan ☐ mengadakan kuiz ☐ membawa ahli menonton pertandingan dari rakaman video ☐ mengadakan perlawanan persahabatan